

CHAIRMAN

Professor Dr Zamberi Sekawi
Senior Consultant Clinical Microbiologist
Malaysian Society of Infectious Diseases
& Chemotherapy

VICE-CHAIRMAN

Professor Dr Yasmin A Malik
Senior Consultant Clinical Microbiologist
Malaysian Society of Infectious Diseases
& Chemotherapy

COMMITTEE MEMBERS

Datuk Dr Christopher Lee
Consultant Infectious Diseases Physician
Malaysian Society of Infection Control &
Infectious Diseases

Dr Wan Noraini Wan Mohamed Noor
Public Health Physician
Malaysian Public Health Physicians'
Association

Dr Ravindran Thayyan
Molecular Virologist
Malaysian Society of Parasitology and
Tropical Medicine

Dato' Dr Musa Mohd Nordin
Consultant Paediatrician and
Neonatologist
Malaysian Paediatric Association

Dr Jessie de Bruyne
Consultant Paediatrician and Paediatric
Respiratory Physician
Malaysian Thoracic Society
& Paediatric Association

Professor Dr Tan Maw Pin
Consultant Geriatrician
Malaysian Society of Geriatric Medicine

A/Professor Dr Pang Yong Kek
Senior Consultant Respiratory Physician
Malaysian Thoracic Society

Professor Dr Roslina Abdul Manap
Senior Consultant Respiratory Physician
Malaysian Thoracic Society

Dr Nurhayati Mohd Marzuki
Consultant Pulmonologist
Malaysian Thoracic Society

Dr Hazlee Abdul Hadi
Consultant Physician - Occupational
Health and Safety
Academy of Occupational and
Environmental Medicine Malaysia
& Society of Occupational and
Environmental Medicine Malaysia

KENYATAAN MEDIA

November 4, 2020

TIADA SEBAB UNTUK TAKUT MENDAPATKAN VAKSIN FLU

Pakar-Pakar Menyeru Pengambilan Vaksinasi Flu Secara Meluas Selepas Kementerian Kesihatan Malaysia Membatalkan Pemberhentian Sementara Penggunaan Dua Vaksin Flu

Malaysian Influenza Working Group (MIWG) terdiri daripada pakar-pakar yang bekerjasama untuk meningkatkan pencegahan, pengendalian, dan pengawalan influenza di Malaysia. Kami amat prihatin terhadap laporan berita kebelakangan ini yang mendakwa berlakunya kematian berikutan vaksinasi flu di Korea Selatan.

Walaupun perkara ini telah dijelaskan, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa vaksinasi flu bukan sahaja selamat, malah merupakan langkah pencegahan yang amat penting dalam penjagaan kesihatan. Oleh itu, kami menyeru pengamal penjagaan kesihatan serta orang ramai untuk segera mendapatkan vaksin flu.

Tindakan mudah ini boleh membantu mengelakkan penderitaan dari segi fizikal, emosi dan kewangan akibat jangkitan flu yang teruk dan komplikasi berkaitan. Tiada siapa yang ingin dijangkiti flu, apatah lagi dalam keadaan sekarang yang mana kita sedang menghadapi satu lagi ancaman kesihatan yang boleh membawa maut – wabak COVID-19 yang sedang menular.

Kesulitan di Korea

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan arahan pada 28 Oktober 2020 supaya pengamal penjagaan kesihatan menghentikan sementara penggunaan dua jenama vaksin flu – Vaxigrip Tetra dan SKYCellflu Quadrivalent¹. Arahan yang sama juga dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Singapura pada 25 Oktober 2020².

Arahan ini dikeluarkan selepas Agensi Kawalan dan Pencegahan Penyakit Korea (KDCA) melaporkan bahawa sejumlah individu (83 orang pada 31 Oktober 2020) telah meninggal dunia semasa program vaksinasi flu kebangsaan sedang dijalankan di negara tersebut³. Lebih 16 juta orang telah menerima vaksin flu di negara tersebut ketika itu⁴.

Walaupun 11 kes masih disiasat (semasa kenyataan ini ditulis), KDCA menjelaskan bahawa siasatan dan autopsi terperinci menunjukkan bahawa besar kemungkinan 72 lagi kematian adalah disebabkan oleh penyakit-penyakit lain yang sedia ada dan punca-punca kematian yang lain. Tiada dilaporkan kejadian anafilaksis, iaitu sejenis tindak balas terhadap vaksinasi yang amat jarang berlaku tetapi boleh membawa maut.

Kerajaan Korea Selatan berpuas hati dengan hasil penemuan KDCA dan telah membuat keputusan untuk membenarkan program vaksinasi flu kebangsaan disambung semula dengan menggunakan pelbagai vaksin influenza yang berbeza (termasuk Vaxigrip Tetra dan SKYCellflu Quadrivalent) di dalam program tersebut.

Sehubungan itu, KKM dan Kementerian Kesihatan Singapura telah menarik semula arahan pemberhentian sementara berdasarkan penyiasatan KDCA dan semakan teknikal yang turut dijalankan kementerian-kementerian tersebut. Mereka telah mengesahkan bahawa kedua-dua jenama vaksin tersebut adalah selamat dan penggunaannya boleh diteruskan.

MIWG menyambut baik keputusan tersebut kerana ia bakal mengembalikan keyakinan orang ramai dalam keadaan semasa tatkala vaksinasi flu amat diperlukan.

Vaksin Flu Adalah Selamat

Pelbagai kajian telah menunjukkan secara konsisten bahawa vaksin flu adalah selamat⁵. Ini terbukti dengan realiti di mana tiada kematian berkaitan vaksinasi flu telah dilaporkan di Malaysia¹ atau Singapura² setakat ini. Di Korea Selatan, Perdana Menteri, Menteri Kesihatan⁶ dan pegawai-pegawai tinggi kesihatan lain⁷ telah mengambil vaksin flu baru-baru ini bagi membuktikan keyakinan mereka yang tidak berbelah bagi terhadap keselamatan vaksin flu.

Vaksin flu dapat diterima dengan baik dalam kalangan kebanyakan kumpulan umur⁵. Namun, seperti semua vaksin lain, vaksin flu adakalanya boleh menyebabkan kesan sampingan. Dalam kebanyakan kes, kesan sampingan ini adalah ringan seperti tanda kemerahan, sakit, bengkak di bahagian yang disuntik, atau demam. Kesan sampingan ini biasanya akan hilang dengan sendiri.

Oleh itu, tiada sebab untuk takut mendapatkan vaksin flu. Sebaliknya, kita mengharapkan vaksin ini dapat membantu mencegah influenza, penyakit yang menjangkiti 3 hingga 5 juta orang setiap tahun dan mengakibatkan pelbagai masalah kesihatan dan komplikasi yang teruk (seperti pneumonia, radang pada jantung dan otak, sepsis, kerosakan berbilang organ) menyebabkan 290,000 hingga 650,000 kematian berkaitan sistem pernafasan⁸.

Nasihat untuk Orang Ramai

Seperti saranan US Advisory Committee on Immunization Practices (ACIP), setiap individu yang berusia 6 bulan ke atas harus dilindungi dengan vaksin flu setiap tahun. Ini amat penting terutamanya jika anda tergolong dalam mana-mana kumpulan berisiko tinggi berikut⁹.

Vaksinasi flu tahunan bagi **individu lanjut usia** iaitu yang berusia 50 tahun atau lebih adalah dikaitkan dengan kadar kemasukan ke hospital akibat flu serta komplikasi dan kematian berkaitan flu yang lebih rendah¹⁰. Mereka yang **menghidap penyakit kronik** juga boleh mendapat manfaat darinya.

Bagi pesakit jantung, vaksinasi flu tahunan boleh membantu mengurangkan risiko masalah utama kardiovaskular¹¹. Bagi penghidap penyakit kencing manis, kebarangkalian kematian akibat serangan jantung atau strok adalah lebih rendah¹². Pesakit buah pinggang kronik yang lanjut usia juga menunjukkan risiko yang lebih rendah terhadap kemasukan ke hospital akibat kegagalan jantung¹³.

Bagi penghidap penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD), vaksinasi flu tahunan dikaitkan dengan pengurangan kadar serangan pernafasan, kemasukan ke hospital, rawatan pesakit luar serta kematian berkait sistem pernafasan dan juga kadar kematian secara keseluruhan¹⁴. Penghidap asma boleh menyaksikan pengurangan kekerapan penyakit berkaitan sistem pernafasan, serangan asma dan komplikasi asma yang bakal dicetus oleh jangkitan influenza¹⁵.

Suntikan flu yang diberikan kepada **wanita hamil** dapat mengurangkan risiko komplikasi yang disebabkan oleh flu, proses bersalin pramatang, kelahiran pramatang, kecacatan serta kematian semasa lahir¹⁶. Vaksinasi flu tahunan melindungi **kanak-kanak** yang berusia lebih 6 bulan daripada komplikasi jangkitan flu yang boleh membawa maut (seperti pneumonia, penyahhidratan teruk dan disfungsi otak)¹⁷.

Nasihat untuk Pengamal Penjagaan Kesihatan dalam Menghadapi Wabak COVID-19

Vaksinasi flu kini menjadi lebih penting apabila wabak COVID-19 terus merebak di serata dunia. Dalam keadaan ini, Kumpulan Pakar Penasihat Strategik WHO (SAGE) telah menetapkan pekerja-pekerja penjagaan kesihatan sebagai kumpulan yang paling tinggi keutamaannya untuk diberikan vaksin flu¹⁸.

Mendapatkan vaksin flu akan mencegah kita daripada menyebarkan penyakit secara tidak sengaja kepada para pesakit. Ia juga membolehkan kita menyokong seruan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengamalkan vaksinasi flu secara meluas¹⁹.

Banyak negara (contohnya Jepun, Korea Selatan, Taiwan, China, Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, dan kebanyakan negara Eropah) telah menggiatkan usaha-usaha vaksinasi flu di seluruh negara mereka^{20,21}. Namun tanpa program sedemikian di Malaysia, kita, sebagai pengamal penjagaan kesihatan perlu mengambil inisiatif sendiri dan proaktif dalam menyeru pengambilan vaksin flu kepada semua pesakit.

Langkah ini akan membantu melindungi mereka dari mendapat flu yang teruk dan komplikasi yang berkaitan, serta kebarangkalian menghidap flu dan COVID-19 serentak – suatu gabungan dahsyat yang boleh mengakibatkan sebanyak 10,000 kali ganda replikasi koronavirus dalam sel-sel manusia, sepertimana yang diusulkan dalam kajian terkini²².

Dari perspektif sistem kesihatan, vaksinasi flu secara meluas akan merendahkan jumlah pesakit yang dimasukkan ke hospital akibat flu, seterusnya membolehkan sumber jagawatan kesihatan yang terhad ditumpukan kepada kes-kes COVID-19.

Kita sedang melalui satu fasa yang penuh ketidakpastian. Walau bagaimanapun, kita boleh meyakini bahawa vaksinasi flu adalah selamat dan memberi manfaat perlindungan kepada pengamal penjagaan kesihatan dan orang ramai yang mengambilnya.

Dikeluarkan oleh:

MALAYSIAN INFLUENZA WORKING GROUP

**A Special Interest Group under the Malaysian Society of Infectious Diseases & Chemotherapy
Aligned with the Asia-Pacific Alliance for the Control of Influenza (APACI)**

Kenyataan media ini disokong oleh:

Academy of Family Physicians of Malaysia
Academy of Medicine Malaysia
Asthma Malaysia
College of Physicians – Academy of Medicine Malaysia
Malaysian Family Medicine Specialist' Association
Ikram Health
Immunise4Life
Islamic Medical Association of Malaysia
Malaysian Health Coalition
Malaysian Medical Association
Malaysian Paediatric Association
Malaysian Public Health Physicians' Association
Malaysian Society of Geriatric Medicine
Malaysian Society of Infectious Diseases and Chemotherapy
Malaysian Thoracic Society

Rujukan

- ¹ https://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view_page/21/1695
- ² <https://www.moh.gov.sg/news-highlights/details/temporary-cessation-of-use-of-two-influenza-vaccines>
- ³ <http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20201031000051>
- ⁴ <https://www.cdc.go.kr/board/board.es?mid=a30402000000&bid=0030>
- ⁵ Influenza Vaccines: Evaluation of the Safety Profile. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC5861790/>
- ⁶ <http://m.koreatimes.co.kr/pages/article.asp?newsIdx=298322>
- ⁷ https://www.scmp.com/week-asia/lifestyle-culture/article/3107631/south-korean-officials-line-flu-shots-after-deaths-fuel?utm_source=Whatsapp&utm_medium=share_widget&utm_campaign=3107631
- ⁸ [https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/influenza-\(seasonal\)](https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/influenza-(seasonal))
- ⁹ Prevention and Control of Seasonal Influenza with Vaccines: Recommendations of the Advisory Committee on Immunization Practices 2020 <https://www.cdc.gov/mmwr/volumes/69/rr/rr6908a1.htm>
- ¹⁰ Vaccines for preventing influenza in the elderly <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/29388197/>
- ¹¹ Association Between Influenza Vaccination and Cardiovascular Outcomes in High-Risk Patients A Meta-analysis <https://jamanetwork.com/journals/jama/fullarticle/1758749>
- ¹² Influenza Vaccination Is Associated With Reduced Cardiovascular Mortality in Adults With Diabetes: A Nationwide Cohort Study <https://care.diabetesjournals.org/content/early/2020/07/03/dc20-0229>
- ¹³ Influenza Vaccination Reduces Hospitalization for Heart Failure in Elderly Patients with Chronic Kidney Disease: A Population-Based Cohort Study <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC4884756/>
- ¹⁴ <https://bmcpulmed.biomedcentral.com/articles/10.1186/s12890-017-0420-8>
- ¹⁵ <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC5850022/>
- ¹⁶ <https://www.nhs.uk/common-health-questions/pregnancy/why-are-pregnant-women-at-higher-risk-of-flu-complications/>
- ¹⁷ <https://www.cdc.gov/flu/highrisk/children.htm>

¹⁸ WHO SAGE Seasonal Influenza Vaccination Recommendations during the COVID-19 Pandemic

https://www.who.int/immunization/policy/position_papers/Interim_SAGE_influenza_vaccination_recommendations.pdf?ua=1

¹⁹ <https://www.who.int/dg/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---15-june-2020>

²⁰ <https://www.theguardian.com/society/2020/jun/14/countries-scramble-for-flu-vaccines-to-ease-pressure-of-second-coronavirus-19-wave>

²¹ <https://www.scmp.com/news/asia/east-asia/article/3101474/coronavirus-asian-nations-ramp-flu-vaccination-plans-fend>

²² <https://www.biorxiv.org/search/Co-infection%252Bwith%252Binfluenza%252Bcaused%252Bup%252Bto%252Ba%252B10%252C000-fold%252Bincrease%252Bof%252Bcoronavirus%252Breplication%252Bin%252Bhuman%252Bcells%252Bin%252Ba%252Blaboratory%252Btest>